ڤتيقن تيته
PETIKAN TITAH

"DENGAN konsep Negara Zikir, kita InsyaaAllah akan membangun negara dan kehidupan dengan perkara-perkara yang dipandang baik serta bagus oleh Allah dan juga oleh manusia. Kita akan usahakan kecemerlangan dengan konsep ini."
- Titah pada Majlis Ilmu Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-62 Tahun pada 23 Rejab 1429 Hijrah / 26 Julai 2008 Masihi.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Pelita BRUNEI
ڤليتا بروني
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN

"DAN Allah akan menambah hidayah kepada orang-orang yang mendapat petunjuk dan amalan-amalan soleh yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Maryam, ayat 76.

Waktu Sembahyang

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5.05 | 5.15 | 6.33 | 6.55 | 12.34 | 3.51 | 6.34 | 7.43 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 25 | 26 FEBRUARI 2018 / 1439 جمادى الأخير 10 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

# Realisasikan gagasan pemimpin, Menjayakan Wawasan Negara

منجاياكن واوسن نڬارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 Februari 2018

Oleh :
Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 Februari. - Negara Brunei Darussalam sekali lagi melakar sejarah dengan meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34, satu kerahmatan buat seluruh rakyat dan penduduk untuk berasa kemeriahan dan yang penting menaikkan rasa cintakan negara, raja, bangsa dan agama berlandaskan Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir.

Semangat itu terus berkobar dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bagi menyertai rakyat dan penduduk di negara ini ke Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Ke-34.

Ke muka 3



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien. - Foto : Masri Osman.**

IKUTI KAMI DI
APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn



Muka 6, 7 & 8

BERKENAN berangkat sertai Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan

# Tingkat usaha jana ekonomi, pembangunan

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillaahir Rahmaanir Raheem**
**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen**
**Wassalaatu' Wassalaamu**
**'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihii Wasahbihee Ajma'een, Waba'du**



TITAH Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 pada Khamis, 6 Jamadilakhir 1439 Hijrah bersamaan 22 Februari 2018 Masihi di Istana Nurul Iman.

**KITA** selayaknya bersyukur kerana Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kepada kita keamanan dan kemakmuran. Bukan semua negara dapat meraih nikmat yang agung ini.

Oleh itu, dalam apa pun keadaan, kita mestilah berusaha, sambil memohon kepada Allah untuk mengekalkan nikmat ini. Kita jangan sekali-kali berpaling daripada-Nya kerana nikmat itu datang atau pergi adalah semata-mata kehendak-Nya jua.

Kita hanyalah merancang, sementara Allah jualah yang melaksana. Kerana itu kalau kita merancang, maka merancanglah apa yang baik atau terbaik, bukan merancang perkara buruk atau perkara yang salah, yang tidak disukai oleh Allah.

Di sinilah, ramai orang yang silap, yang tidak faham ini. Mereka hanya merancang apa yang mereka mahu atau yang sedap untuk mereka sahaja, tanpa mengambil kira Maha Pencipta. Lalu awal ataupun akhir, rancangan-rancangan itu pun dipenuhi oleh masalah atau ada-ada saja cacatnya kerana tiada berkat.

Sebagai sebuah negara Islam yang progresif, pengukuhan 'Maqasid Syar'iah' adalah menjadi prasyarat kepada kejayaan negara. Pengukuhan ini penting sebagai pemangkin ke arah memastikan negara terus menuai kemakmuran dan kesejahteraan.

Pada tahun ini, kita masih saja mengekalkan tema : 'Menjayakan Wawasan Negara'. Ini menunjukkan betapa seriusnya kita untuk menjayakan wawasan itu.

Dalam soal ini, rakyat seluruhnya perlu turut memainkan peranan untuk memajukan diri dan meningkatkan lagi usaha-usaha menjana ekonomi dan pembangunan. Agensi-agensi kerajaan pula perlulah cekap dan bijaksana dalam menguruskan sumber-sumber negara. Demikian juga pembangunan sumber manusia perlu sentiasa diberikan perhatian. Kita memerlukan komitmen dan usaha-usaha bersepadu dari semua pihak, termasuk sektor swasta, bagi memastikan segala perancangan dapat berjalan rancak mencapai sasarannya.

Kita memang berhasrat untuk melihat negara melangkah lebih jauh sebagai sebuah negara maju. Ini adalah matlamat suci negara yang merdeka.

Harapan ini lebih-lebih lagi perlu turut digalas oleh generasi muda. Negara sangat memerlukan generasi muda untuk berani tampil menerajui pembangunan. Para belia perlu mengambil peluang untuk meningkatkan keupayaan diri masing-masing melalui program-program yang ditawarkan di dalam atau di luar negeri. Mereka sepatutnya lebih terpanggil untuk menerajui pucuk pimpinan badan-badan sukarela, mahupun syarikat-syarikat.

Para belia yang biasanya kaya dengan idea-idea baharu, pasti berani untuk menghadapi pelbagai cabaran. Merekalah yang diharapkan untuk memberikan nafas baharu kepada segala usaha pembangunan dalam negara.

Di era baharu ini, penggunaan teknologi maklumat semakin meluas dan memainkan peranan yang sangat penting. Ia juga tidak syak lagi, turut mengalihkan fokus ke arah ekonomi digital yang terbuka luas untuk diceburi. Ini pun satu lagi cabaran itu.

Di arena antarabangsa, Negara Brunei Darussalam akan terus mengamalkan sikap hormat-menghormati dan mengekalkan hubungan baik dengan negara-negara lain. Kita akan turut berusaha menangani isu-isu yang menjadi tumpuan masyarakat antarabangsa seperti ancaman keganasan dan perubahan iklim.

Untuk akhirnya, beta sukacita merakamkan ucapan berterima kasih kepada semua peserta dan petugas serta ahli-ahli jawatankuasa-jawatankuasa yang sama-sama berusaha dalam menjayakan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 pada tahun ini.

Beta juga merakamkan ucapan yang sama kepada semua lapisan rakyat, meliputi semua peringkat warga Perkhidmatan Awam, termasuk mereka yang bertugas di luar negara, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta dengan iringan doa semoga kita dan negara akan sentiasa berada di dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah jua, Amin.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## Dari Sidang Pengarang.

26 FEBRUARI 2018 BERSAMAAN 1439 جمادى الأخير 10

### BELIA PERLU AKTIF JAYAKAN WAWASAN NEGARA

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 menekankan pentingnya peranan belia dalam menjayakan Wawasan Negara dan bukan hanya sekadar mengikutinya tetapi mengambil peranan aktif dan yang lebih penting sebagai pencorak idea, strategi, pelaksana dan pemimpin.

Dalam konteks ini, kita tidak hanya berfikir yang pembangunan negara dan masyarakat adalah tugas kerajaan semata-mata tetapi juga tanggungjawab tersebut perlu dipikul dan laksanakan oleh golongan belia yang kuat, berinovatif dan berdaya saing, berdaya maju, cekal dan berusaha untuk memajukan negara.

Apa yang lebih penting lagi peranan semua pihak untuk memberi kepercayaan yang penuh kepada pemimpin muda dan belia-belia yang berpotensi dan berkemahiran untuk memegang tampuk kepimpinan dengan diberikan lebih banyak peluang untuk membuat keputusan dan menilai pandangan mereka.

Mereka sekali-kali tidak boleh dipinggirkan, apatah lagi golongan ini dilihat berpotensi dalam menuju arus pembangunan negara. Malah nilai kepentingan belia ini sebenarnya dapat diperhatikan melalui frasa-frasa yang sering dikaitkan dengan mereka seperti belia aset negara, pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara dan lain-lain lagi.

Namun, masalahnya apakah sudah cukup kita mempunyai golongan belia yang berwawasan, memandangkan terlalu banyak cabaran-cabaran kemajuan teknologi masa kini yang sering menjadi perhatian golongan belia kerana jatuh dan bangunnya sebuah negara pada masa depan amat bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh belia yang merupakan tonggak kekuatan negara.

Dalam hal ini, kita penuh yakin bahawa belia-belia negara mampu mengharungi pelbagai cabaran dunia global. Dan kita sangat bangga bila mengetahui telah ramai belia kita yang berjaya dalam pelbagai bidang di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Apa yang lebih penting ialah belia-belia yang berpotensi tinggi ini perlu lebih diasuh, dilengkapkan dengan ilmu dan kemahiran hidup, kepimpinan, agama, kerohanian dan perlu mempunyai minda serta fizikal yang sihat, bersedia untuk berdaya saing dan mempunyai sikap yang positif serta berdikari pada menghadapi sebarang cabaran.

Ini kerana belia yang berkualiti dengan ilmu, kemahiran dan berakhlak mulia akan mampu menjadi sumber tenaga manusia yang diharap oleh negara dan mempunyai ciri-ciri belia berwawasan yang mampu bersama dalam menyumbang ke arah pembangunan dan kemajuan negara, selain perlu mempunyai semangat jati diri, ketahanan diri fizikal dan mental, berjiwa patriotik, berdisiplin serta mempunyai nilai-nilai murni sebagai anak Brunei yang bercalakkan identiti keBruneian.

Kita juga perlu menaruh harapan yang tinggi kepada para belia untuk menggerakkan ekonomi digital. Dalam hal ini, para graduan kita sememangnya mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang ini, cuma kadang-kadang mereka tidak diberi peluang dalam merancang perkara tersebut. Kini sudah sampai masanya tenaga belia dikerah dalam memenuhi hasrat dan aspirasi bangsa dan negara pada masa mendatang. Sebagai contoh kita telah pun ada perwakilan golongan muda dalam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berpotensi memberikan idea-idea bernas dan tampil dengan berani demi memenuhi keperluan belia negara.

Ke arah ini, ada pendapat yang mengatakan belia masih mentah dan belum bersedia hendaklah dikikis. Apa yang lebih penting bantulah mereka dengan bimbingan, motivasi, semangat dan inspirasi agar belia-belia kita dapat menjadi penggerak dan seterusnya menjadikan Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang mempunyai ekonomi dinamik dan mapan, rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi dan yang menikmati kualiti hidup yang baik demi mencapai Wawasan 2035.

Peranan belia ini amat bertepatan dengan tema Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini yang membawa tema 'Menjayakan Wawasan Negara' yang memfokuskan dan menekankan pentingnya setiap lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam khususnya para belia, memainkan peranan masing-masing dalam mengembleng usaha agar wawasan tersebut tercapai dengan jayanya.

Ke arah itu, negara amat memerlukan belia yang memiliki *mindset* yang positif, berkeyakinan diri, dinamik, kreatif, berinovatif serta bertanggungjawab yang benar-benar diperlukan untuk menggerakkan dan memajukan negara. Dan yang lebih penting penglibat semua pihak sangat perlu memainkan peranan masing-masing secara bersungguh-sungguh dan bersepadu agar kita mencapai hasrat murni wawasan tersebut dengan jayanya. **- Ketua Penyuntingan (Zs).**




## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi FEBRUARI | HARI | Hijrah JAMADILAKHIR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 26 | ISNIN | 10 | 5.05 | 5.15 | 6.33 | 6.55 | 12.34 | 3.51 | 6.34 | 7.43 |
| 27 | SELASA | 11 | 5.05 | 5.15 | 6.33 | 6.55 | 12.34 | 3.51 | 6.34 | 7.43 |
| 28 | RABU | 12 | 5.05 | 5.15 | 6.32 | 6.55 | 12.34 | 3.50 | 6.33 | 7.43 |
| 1 MAC | KHAMIS | 13 | 5.04 | 5.14 | 6.32 | 6.54 | 12.34 | 3.50 | 6.33 | 7.43 |
| 2 | JUMAAT | 14 | 5.04 | 5.14 | 6.32 | 6.54 | 12.34 | 3.49 | 6.33 | 7.43 |
| 3 | SABTU | 15 | 5.04 | 5.14 | 6.31 | 6.54 | 12.33 | 3.49 | 6.33 | 7.43 |
| 4 | AHAD | 16 | 5.04 | 5.14 | 6.31 | 6.53 | 12.33 | 3.48 | 6.33 | 7.42 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN**
AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Realisasikan gagasan pemimpin, Menjayakan Wawasan Negara





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat memeriksa barisan kawalan kehormatan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei. Manakala gambar bawah kiri, baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada para peserta yang menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 Tahun ini.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi, Masri Osman, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**Dari muka 1**

Juga menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Datin Dayang Hajah Elinda binti C.A. Mohamed; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Turut berangkat, paduka-paduka adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Turut berangkat menyertai perbarisan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dilaungkan sejurus keberangkatan tiba dan setelah itu Kebawah DYMM dijunjung bagi memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota ABDB dan anggota PDB.

**Ke muka 12 & 13**







KANAK-kanak sekolah mengibarkan bendera kebangsaan bagi sama-sama menjunjung keberangkatan Kebawah DYMM berserta kerabat diraja (kiri), manakala gambar kanan, turut berangkat menyertai perbarisan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

# Lebih 7 ribu peserta warnai persembahan tema Menjayakan Wawasan Negara

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi, Masri Osman, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 Februari. - Acara kemuncak Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara diwarnai dengan persembahan tema 'Menjayakan Wawasan Negara' oleh seramai lebih tujuh ribu peserta mewakili pelbagai sektor dan agensi pembangunan negara termasuk belia dari sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan institusi pengajian tinggi.

Persembahan gilang-gemilang itu memperlihatkan segenap lapisan masyarakat untuk menghayati peranan mereka dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

منجاياكن واوسن نڬارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 Februari 2018

Ke muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien. Juga berangkat, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.





LAUNGAN Ikrar Hari Kebangsaan dikepalai oleh Penguasa Bomba dan Penyelamat selaku Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'G', Temburong, Pengiran Azizul Rahman bin Pengiran Haji Yusof (kiri), manakala gambar kanan, antara peserta yang terlibat dalam persembahan padang.



LEBIH tujuh ribu peserta terdiri daripada kanak-kanak sekolah, generasi muda hingga dewasa, khususnya para belia menjayakan persembahan dengan penuh semangat patriotisme.



SUASANA persembahan padang pada Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.



PESERTA PKBN bersama-sama beraksi menjayakan sambutan tersebut.



PASUKAN Pembawa Bendera Negara Brunei Darussalam berukuran besar mendahului perbarisan lalu.



ANTARA pasukan yang menyertai persembahan padang sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 Tahun.

**Dari muka 4**

Dalam menjayakan Wawasan Negara, setiap ejen pembangunan bertanggungjawab dan berperanan memastikan segala kegiatan dan aktiviti yang dilaksanakan menjurus ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Peranan yang mereka mainkan adalah besar dan bermakna dalam menanai kedaulatan raja, bangsa dan negara yang tercinta ini.

Pertalian antara setiap ejen pembangunan negara ini digambarkan dalam persembahan tema sambutan kali ini.

Segmen pertama menggambarkan kepentingan hubungan mesra antara raja dan rakyat, selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Istiadat Mengadap sempena Sambutan Jubli Emas Baginda Menaiki Takhta pada 14 Muharam 1439 Hijrah bersamaan 5 Oktober 2017 Masihi. Hubungan mesra raja dan rakyat tiada pemisah di antaranya.

Segmen kedua pula adalah melakarkan peranan kita dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, di mana setiap rakyat dan penduduk serta setiap agensi kerajaan, swasta dan bukan kerajaan sama-sama berperanan menuju kejayaan.

Wawasan adalah peta jalan, pangkalan hala tuju rancangan, masa depan maslahat watan, berbekal takwa dan iman.

Seterusnya, segmen ketiga menghayati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Awal Tahun Masihi 2018 yang menggariskan 2035 sebagai sasaran Brunei Maju.

Tanggungjawab besar hendaklah kita lakukan dengan langkah yang padu bukan lain dengan tujuan agar negara makmur dan aman untuk diwarisi zaman-berzaman.

Persembahan tema tersebut turut diiringi oleh lagu-lagu yang diciptakan khas mendukung segmen-segmen berkenaan.





DI sepanjang jalan, kanak-kanak sekolah mengibarkan bendera kebangsaan seawal pagi lagi bagi sama-sama menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja (kiri). Manakala gambar kanan, Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan dimeriahkan dengan persembahan koir.

Pelita Brunei

# Berkenan berangkat sertai Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyertai Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2018. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi, Masri Osman, Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Othman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 25 Februari. - Keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama berangkat memeriahkan Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2018 jelas mencerminkan bahawa hubungan raja dan rakyat itu tidak ada tembok dan pemisah di antara mereka.

Walaupun dalam keadaan hujan lebat yang turun, namun suasana di ibu negara bertambah meriah dengan ribuan pengunjung dari segenap lapisan masyarakat di negara ini yang sama-sama menyertai acara riadah tersebut bagi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun ini.

**Ke muka 7**







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung dan berkenan menekan punat pelancaran Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2018 (atas). Sementara gambar atas kanan dan kanan, perbarisan lalu oleh seramai 34 pekayuh basikal dari keempat-empat daerah yang berjaya mengayuh sejauh 34 kilometer dan 34 peserta basikal kanak-kanak.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan berangkat menyertai acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2018 yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien (kiri). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada pemain kanak-kanak NFABD. Sementara gambar bawah kanan, baginda berkenan bergambar ramai bersama para peserta yang mengikuti Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2018.**

**Dari muka 6**

Acara ini menggabungkan aspek gaya hidup sihat dan rekreasi, demi perpaduan negara melalui penghayatan budaya sukan dan penglibatan masyarakat secara menyeluruh yang menjurus pada pewujudan warga sihat, yang mana adalah penting ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035. Perkara ini adalah selaras dengan tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan 2018, iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2018 yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Berangkat sama ialah anakanda-anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Keberangkatan baginda dan kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Menteri Kesihatan, Yang Behormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Jaafar.

**Ke muka 8**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menaiki basikal roda empat.**





**KEBAWAH DYMM berkenan menyaksikan pameran dan sembah penerangan dari Unit Pendidikan Khas (kiri), manakala gambar kanan, keceriaan baginda bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda mengayuh basikal melalui kawasan Masjid Omar 'Ali Saifuddien.**





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengar sembah penerangan daripada penuntut IBTE mengenai tanaman sayuran Hydroponik (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan mendengarkan sembah penerangan ketika menyaksikan Art Fair.

Dari muka 7

Sejurus keberangkatan, Kebawah DYMM dijunjung dan berkenan menekan punat pelancaran dan seterusnya pelepasan belon besar bersama *banner* dan belon-belon kecil.

Belon-belon kecil tersebut dipegang dan dilepaskan oleh seramai 30 peserta Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) Ke-13, manakala pompom dipegang dan digerakkan oleh seramai 30 belia yang terdiri daripada Alumni Peserta Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun.

Selepas pelepasan belon-belon tersebut, baginda mendahului Riadah Berbasikal mengelilingi Bandar Seri Begawan sejauh hampir 11.5 kilometer dan melintasi jalan-jalan utama, antaranya Jalan Pretty; Jalan Elizabeth 2; Jalan Masjid Omar 'Ali Saifuddien; Jalan Kianggeh; Jalan Sekolah; Jalan Kumbang Pasang; Jalan Gadong; Jalan Perdana Menteri; Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan berakhir di taman berkenaan.

Selesai Riadah Berbasikal, Kebawah DYMM berkenan menyaksikan perbarisan lalu oleh seramai 34 pekayuh basikal dari keempat-empat daerah yang berjaya mengayuh sejauh 34km yang berlepas sejak 6.45 pagi dan seterusnya diikuti dengan 34 peserta basikal kanak-kanak juga persembahan Gerak Khas oleh 374 peserta Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Pada majlis itu, Kebawah DYMM berkenan menerima pesambah yang disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan.

Selain berbasikal, baginda dan kerabat diraja turut berkenan menyaksikan secara lebih dekat lagi kemeriahan Bandarku Ceria yang diadakan di persekitaran taman tersebut dengan pelbagai aktiviti yang disediakan oleh agensi-agensi yang terlibat, antaranya Military Cross Fit Training, Persembahan Tai Chi, Football Fun Fair dan sesi beramah mesra dengan pemain-pemain pasukan Brunei DPMM FC, Klinik Bola Sepak, Pancaragam Kadet Beruniform, Aktiviti Seni Kitar Semula, Persembahan Silat dan Klinik Silat, Persembahan Kraf Origami, Klinik Basikal dan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR), Jualan Kraf Tangan Unit Pendidikan Khas dan sebagainya.

Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2018 merupakan anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan dengan penglibatan semua kementerian lain serta Persekutuan Basikal Brunei Darussalam.

Kejayaannya mencerminkan bagaimana pendekatan keseluruhan negara yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat termasuk pihak bukan kerajaan dan NGOs adalah sangat efektif dan berkesan, apatah lagi jika diguna pakai dalam memajukan program-program pembangunan negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada pelatih Program Khidmat Bakti Negara.






KEBAWAH DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menyaksikan demonstrasi keadaan semasa kemalangan berlaku jika menggunakan tali keledar di petak pameran Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (kiri), sementara gambar kanan, antara peserta yang menyertai Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2018.

# Brunei - Kuwait kukuhkan kerjasama dua hala







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait dan Perdana Menteri Kuwait, His Highness Sheikh Jaber Mubarak Al-Hamad Al-Sabah dan kerajaan serta rakyat Kuwait sempena dengan Hari Kebangsaan Kuwait.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 25 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait dan Perdana Menteri Kuwait, His Highness Sheikh Jaber Mubarak Al-Hamad Al-Sabah dan kerajaan serta rakyat Kuwait sempena dengan Hari Kebangsaan Kuwait.

Dalam titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait, Kebawah DYMM merakamkan penghargaan di atas hubungan persahabatan dan persaudaraan yang telah lama dinikmati di antara kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing dan berharap berpeluang memperkukuhkan perhubungan tersebut dan meningkatkan kerjasama di tahun-tahun yang mendatang.

Sementara itu, dalam titah perutusan tahniah yang sama kepada Perdana Menteri Kuwait, His Highness Sheikh Jaber Mubarak Al-Hamad Al-Sabah, Kebawah DYMM menghargai persahabatan dan hubungan muhibah yang telah lama dikongsikan bersama dan berharap untuk meningkatkan perhubungan yang sangat bernilai itu.

Pada mengakhiri titah-titah perutusan tahniah tersebut, Kebawah DYMM berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait dan ahli kerabat diraja dan juga Perdana Menteri Kuwait, His Highness Sheikh Jaber Mubarak Al-Hamad Al-Sabah, akan terus berada di dalam kesejahteraan dan kegembiraan serta Negara Kuwait dan rakyatnya akan sentiasa menikmati keamanan dan kemakmuran yang berpanjangan.

# Bersatu praktikkan acara mengikut calak Brunei



**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (kiri) menyampaikan sijil kepada seorang peserta Program Minal Masjid Ilal Masjid.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 25 Februari. - Program Minal Masjid Ilal Masjid yang berlangsung di Masjid Kampung Lambak Berakas dari 22 Februari lalu berakhir dengan acara penutupnya hari ini.

Program anjuran Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Lambak Berakas itu melibatkan seramai 150 penyertaan dari kalangan kumpulan belia masjid dari Daerah Brunei Muara dan pelajar-pelajar sekolah ugama yang terpilih.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman yang juga menyampaikan sijil kepada para peserta.

Yang Berhormat pada majlis tersebut juga memberikan kata-kata nasihat kepada para belia yang merupakan penyambung generasi negara dan akan mencorak negara di masa hadapan.

Tambahnya, mereka perlu bersatu padu dan mempraktikkan acara-acara mengikut calak keugamaan Brunei yang perlu diamalkan dan menghargai nilai-nilai Islam demi menuju Wawasan Negara 2035.

Ke muka 16

# Mufti Kerajaan diundang bentangkan kertas kerja utama

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 24 Februari. - Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned akan membentangkan kertas kerja utama bertajuk 'Kepimpinan dan Kekhalifahan, Gagasan Konstruktif Ulama dan Umara' pada 26 Februari 2018 di Aman Jaya Convention Centre, Casuarina @ Meru, Bandar Meru Raya, Ipoh, Perak Darul Ridzuan.



MUFTI Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (dua, kanan) bersama rombongan sebelum berlepas ke Perak Darul Ridzuan.

Pembentangan kertas kerja utama tersebut ialah sebagai memenuhi jemputan pada Majlis Perasmian Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda.

Di samping itu, muzakarah tersebut juga dirancang sebagai medium bagi membincangkan persoalan semasa ummah secara tuntas dan penyelesaiannya serta merancang strategi pengukuhan yang mampan.

Ia juga dijadikan platform para cendekiawan, agamawan dan profesional untuk mencetus, merangka dan merancang sesuatu yang praktis dalam membangunkan ummah.

Yang Berhormat Mufti Kerajaan ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sejurus sebelum meninggalkan negara ini menjelaskan, antara isi kertas kerja utama yang akan disampaikan ialah, bagaimana mustahaknya kedua-dua ulama dan umara itu memikul tanggungjawab dan mempunyai kepentingan yang sama dalam memelihara ummah, yang mana mengikut sejarah dan metodologi dalam ugama, ulama dan umara tidak boleh dipisahkan.

Yang Berhormat disertai oleh tiga pegawai dari Jabatan Mufti Kerajaan iaitu Pemangku Ketua Buhuth, Awang Haji Mas Reduan bin Haji Jumat; Pegawai Istinbat, Awang Haji Jakaria bin Haji Itam dan Ketua Teknik Penerbitan, Awang Osman bin Abu Bakar.

Majlis Muzakarah tersebut dijangka akan dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

Juga dijangka berangkat ialah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim; Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa; Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Yang Amat Berhormat Dato Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir; Sahibus Samahah Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria; Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.

# Al-Quran Sumber Kepimpinan Adil tema MMQ Tahun 1439H / 2018M



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan hadiah kepada johan qari, Awangku Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

**Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid**
**Foto : Jabatan Penerangan**

MUSABAQAH Membaca Al-Quran (MMQ) Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan tidak asing lagi dan saban tahun diadakan di negara ini dengan bersendikan Melayu Islam Beraja (MIB). Sehingga kini, MMQ telah menjangkau usia 58 tahun dan telah melahirkan ramai qari dan qariah yang berjaya mencipta nama dalam negara dan juga di persada antarabangsa.

MMQ sudah sinonim dan telah menjadi satu plaform bagi melahirkan generasi Al-Quran sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ingin melihat generasi Al-Quran dikongsi sama oleh semua pihak terutama sekali oleh golongan belia.

Ini jelas terbukti bila mana 12 peserta peringkat akhir MMQ Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi adalah terdiri daripada golongan belia. Mereka akan mengalunkan bacaan mereka selama tiga malam berturut-turut memenuhi ruang Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas iaitu pada 27 dan 28 Februari hingga 1 Mac 2018. Mereka ialah :

**Peserta qari :**

1. Awang Haji Md. Albi bin Haji Ibrahim
2. Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya
3. Haji Awang Muhd. Fikri bin Haji Awang Metussin
4. Awang Mohammad Zul-hafiz bin Haji Awang Tengah
5. Awang Mohammad bin Ali
6. Awang Mohammad Zulwaqar bin Haji Suhaili

**Peserta qariah :**

1. Dayang Hajah Nurfaezah binti Haji Emran
2. Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofre
3. Dayangku Siti Ummi Shazana binti Pengiran Haji Marjuki
4. Dayang Norhafidzah binti Haji Hassan
5. Dayang Siti Zahrina binti Haji Abdul Wahab
6. Dayang Siti Nornabilah binti Mejar (B) Haji Abd Rahman

### Huraian tema

MMQ bukan sahaja platform bagi para peserta untuk bertanding, malah lebih pada satu seruan dan dakwah untuk mengajak dan membimbing jiwa supaya mendengar ayat-ayat Allah, memahami dan menghayatinya untuk menjejaki hidayah dan rahmat-Nya. Al-Quran sebagai pembimbing ke jalan kebenaran, maka wajarlah Al-Quran itu sentiasa didampingi dan tidak sekali-kali dilepaskan agar menjadi benteng dan kubu dari ajakan yang sesat. Ini jelas bertepatan dengan tema MMQ Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan tahun ini iaitu 'Al-Quran Sumber Kepimpinan Adil'. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga bersabda, sebagaimana yang dituturkan oleh Abu Hurairah dan diriwayatkan oleh Muslim, "*Tidaklah suatu kaum berkumpul di suatu rumah Allah, membaca kitab Allah dan mempelajarinya, melainkan akan diturunkan kepada mereka ketenangan; mereka akan diliputi oleh rahmat, dikelilingi oleh malaikat dan akan disebut-sebut Allah di hadapan orang-orang yang ada di sisi-Nya (para malaikat).*"

Hadis ini menjelaskan bahawa Al-Quran adalah pemimpin terbaik dan seluruh isi di dalamnya mengandungi nilai pengajaran yang membuahkan rahmat kerana hala tujunya hanya dengan satu niat iaitu Taat kepada Allah dan Rasul-Nya semata-mata. Bertepatan pula dengan matlamat pensyariatan hukum Allah yang disebut sebagai Maqasid Syar'iah iaitu demi memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta yang merupakan asas kesejahteraan hidup dunia dan akhirat.

Dengan membaca Al-Quran dan berpegang teguh dengannya akan membuat seorang pemimpin mentadbir dan memimpin samaada keluarga atau sesebuah organisasi yang diamanahkan kepadanya menjadi pemimpin yang berlandaskan Al-Quran.

Membaca Al-Quran juga dapat menjadikan suasana sekitar menjadi damai, tenang dan penuh dengan keberkatan. Dengan menjadikan Al-Quran sebagai amalan seharian akan dapat menghalau dan menyembuhkan penyakit hari yang mencakupi hasad dengki, rasa dendam dan sebagainya. Sesungguhnya Al-Quran dan sunnah menjadi pedoman dan pengajaran untuk umat Islam bersandar dengannya dan dapat memberikan darjat dan wibawa yang lebih cemerlang serta berperilaku mulia.

### Usaha-Usaha Ke Arah Memperkasa Bidang Al-Quran

Pelbagai usaha dan program telah diungkayahkan oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama seperti mengadakan Bengkel Tarannum Al-Quran sejak awal tahun 2000. Ia adalah sebagai platform untuk menghalusi bacaan dan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dengan mendatangkan pakar-pakar tempatan dan luar negara. Pendedahan ini telah banyak memberikan manfaat kepada para peserta sehingga mampu mengubah era persembahan yang lebih dinamik.

Bengkel ini ternyata berjaya membimbing dan memberikan tunjuk ajar kepada qari dan qariah mempelajari dan memperbaiki bacaan lagu-lagu Al-Quran, mengetahui kekuatan dan kelemahan bacaan setiap pembaca Ini terbukti daripada kejayaan demi kejayaan yang telah diraih oleh wakil-wakil negara sejak kebelakangan ini.

Untuk menggalakkan pencapaian di dalam bidang Al-Quran dan penghargaan di atas usaha gigih dalam mengharumkan nama negara, pada tahun 1989, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan Skim Galakan Kecemerlangan bagi wakil negara yang mendapat tempat pada pertandingan antarabangsa iaitu johan menerima BND10,000; naib johan BND7,000 dan tempat ketiga dikurniakan sebanyak BND4,000.

Di samping itu juga, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Ogos 2012 telah menitahkan pengurniaan Elaun Sepanjang Hayat sebanyak BND2,000 sebulan bagi johan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia.

### Penutup

Mempelajari Al-Quran, membacanya dan melantunkannya, memahami makna yang disampaikan serta mengamalkannya pada kehidupan sehari-hari adalah satu kewajipan kepada seluruh umat Islam, kerana Al-Quran adalah sebagai lambang dan dasar yang tidak akan berubah hingga ke hari kiamat nanti.

Akhirnya marilah kita hayati sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : "*Barang siapa yang membaca Al-Quran dan mengamalkannya semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala maka Allah akan memberikan mahkota di kepala kedua orang tuanya dan kenikmatan pada hari kiamat dan akan terlihat lebih terang daripada sinar matahari sehingga kamu tidak akan menduganya bahawa ganjaran itu dikeranakan amalan-amalan si pembaca Al-Quran.*" (HR Abu Daud).

Semoga kita menjadi generasi Al-Quran dengan menjadikannya sebagai pakaian kita, pakaian dalam beribadat, pakaian beraqidah dan pakaian dalam menjalani seluruh kehidupan ini sehingga ke akhir hayat kita.

| Bil. | Nama | Tempat | Tahun |
|---|---|---|---|
| 1. | Yang Mulia Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit | Ketiga | 1973 |
| 2. | Yang Mulia Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit | Johan | 1977 |
| 3. | Yang Mulia Dayang Hajah Siti Ara Binti Haji Idris | Ketiga | 1978 |
| 4. | Yang Mulia Dayang Hajah Masni binti Haji Abd Manap | Naib Johan | 1980 |
| 5. | Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Yussop bin Bakar | Ketiga | 1981 |
| 6. | Yang Mulia Dayang Hajah Masni binti Haji Abd Manap | Naib Johan | 1983 |
| 7. | Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Yussop bin Bakar | Ketiga | 1988 |
| 8. | Yang Mulia Dayang Hajah Jamilah binti Haji Abd Manap | Ketiga | 1988 |
| 9. | Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Yussop bin Bakar | Naib Johan | 1991 |
| 10. | Yang Mulia Dayang Hajah Jamilah binti Haji Abd Manap | Ketiga | 1992 |
| 11. | Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah binti Haji Ibrahim | Ketiga | 1999 |
| 12. | Yang Mulia Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin | Ketiga | 2001 |
| 13. | Yang Mulia Dayang Hajah Aminah binti Haji Abd Manap | Johan | 2002 |
| 14. | Yang Mulia Dayang Hajah Nurfaezah binti Haji Emran | Ketiga | 2008 |
| 15. | Yang Mulia Dayang Hajah Nurul Akmalina binti Haji Yahya | Ketiga | 2009 |
| 16. | Yang Mulia Dayang Hajah Nurfaezah binti Haji Emran | Naib Johan | 2010 |
| 17. | Yang Mulia Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli | Ketiga | 2014 |
| 18. | Yang Mulia Awangku Muhd Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki | Naib Johan | 2016 |
| 19. | Yang Mulia Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli | Ketiga | 2016 |
| 20. | Yang Mulia Awangku Muhd Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki | Naib Johan | 2017 |
| 21. | Yang Mulia Dayang Hajah Siti Dzuhairah binti Haji Awang Damit | Naib Johan | 2017 |

PENCAPAIAN qari dan qariah negara pada Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Pelita BRUNEI





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

# Realisasikan gagasan pemimpin, Menjayakan Wawasan Negara

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi, Masri Osman, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 Februari 2018

**Dari muka 3**

Upacara Perhimpunan Agung sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 bermula dengan Upacara Perbarisan Lalu di hadapan Pentas Diraja oleh lebih 23 ribu orang peserta yang mewakili 139 buah pasukan dengan didahului oleh Pembawa Bendera Negara Brunei Darussalam berukuran besar yang diikuti oleh Pasukan Pembaca Ikrar, Pasukan Pembawa Bendera-Bendera Logo Hari Kebangsaan, ABDB, PDB, Pasukan Berpakaian Seragam, peserta Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Pasukan Orang-Orang Berkeperluan Khas, Pasukan Cemerlang, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, wakil daerah-daerah dan sektor swasta.

Sambutan terus diwarnai dengan persembahan menarik Gerak Cergas oleh gabungan murid-murid sekolah Rendah dan Pelatih PKBN.

Sementara itu, pasukan-pasukan dari institusi-institusi pengajian tinggi, maktab - maktab, sekolah-sekolah, persatuan-persatuan, pertubuhan awam dan pasukan warga asing di Negara Brunei meneruskan upacara perbarisan berkenaan dengan meriah.

Ikrar Hari Kebangsaan kemudian dilafazkan, yang dikepalai oleh Penguasa Bomba dan Penyelamat selaku Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'G', Temburong, Pengiran Azizul Rahman bin Pengiran Haji Yusof sebagai tanda menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya sebagai tanda bersatu padu dan menumpukan taat setia di bawah pimpinan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Laungan takbir 'Allahuakbar' dilaungkan sebanyak tiga kali. Rombongan pembaca ikrar tersebut juga disertai oleh para peserta berkeperluan khas yang menggunakan bahasa isyarat.

Persembahan bertemakan 'Menjayakan Wawasan Negara' melibatkan seramai lebih tujuh ribu peserta yang mewakili pelbagai sektor dan agensi pembangunan negara termasuk belia-belia yang mewakili sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan institusi-institusi pengajian tinggi dengan megah mempamerkan Persembahan tema tahun ini, iaitu dengan membawa segenap lapisan masyarakat untuk menghayati peranan mereka dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sebelum berangkat meninggalkan upacara, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada para peserta yang menjayakan sambutan tahun ini.

Tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 ialah 'Menjayakan Wawasan Negara' merupakan gagasan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tema berkenaan juga menyifatkan pandangan baginda yang jauh ke hadapan bagi memastikan negara ini dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang memiliki rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik serta berdaya tahan.

Ini sekali gus mengingatkan agar setiap rakyat dan penduduk serta segenap sektor dalam pembangunan negara mempunyai peranan dalam memastikan Wawasan Brunei 2035 itu tercapai dan berjaya.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada para peserta yang menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 (kiri sekali dan kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima tabik hormat pada Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ketika berangkat pada Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34.








PASUKAN Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan pasukan dari sekolah-sekolah menyertai perbarisan lalu pada Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 (kiri dan tengah). Sementara gambar kanan, orang ramai juga turut hadir memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan.





SEBAHAGIAN pasukan yang memeriahkan lagi upacara perbarisan lalu pada Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 (kiri dan kanan).

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**TAWARAN**

**12 MONTHS TERM CONTRACT OF RUBBISH COLLECTION FOR KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN (2018-2019)**

1. TAWARAN hanyalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan **Kelas I & II dalam Kategori B01 & KA01** sahaja di Negara Brunei Darussalam.

2. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap **HENDAKLAH DIHANTAR BERSERTA DENGAN SALINAN SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 DAN SALINAN RESIT**. Tawaran hendaklah diisikan dan dicap syarikat dengan menggunakan dakwat berwarna **BIRU** sahaja.

3. Borang tawaran serta salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 hendaklah dihantar dalam **SAMPUL SURAT BIASA YANG TERTUTUP**, pada bahagian atas sampul surat tersebut ditulis dengan jelas **TAJUK** atau sebagaimana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti pembekal dan dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** yang ditujukan kepada :

**Pengerusi**
**Bahagian Kewangan,**
**Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan**
**Kementerian Hal Ehwal Ugama**
**Negara Brunei Darussalam.**

4. Mengambil borang tawaran mula dibukakan pada **Rabu, 5 Jamadilawal 1439H** bersamaan **21 Februari 2018M** dan tarikh akhir mengambil borang tawaran ialah pada **Isnin, 10 Jamadilakhir 1439H** bersamaan **26 Februari 2018M,** jam **3.00 Petang**.

5. Tempat untuk mendapatkan borang tawaran tersebut ialah di **Bahagian Kewangan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam** pada hari-hari dan jam bertugas sahaja.

**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI**

PENENDER-penender adalah dipelawa untuk mengemukakan tawaran bagi tiga (3) kerja berikut :

**1. T / 001 / RBPF - HQ / 2018 - A**

**REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) NEW STRATEGIC PLAINING & CORPORATE MAP FOR ROYAL BRUNEI POLICE FORCE (RBPF)**

**Yuran Tawaran : BND100.00**
**(tidak dikembalikan)**

1. Dokumen tawaran boleh diperoleh dari **Unit Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Polis Gadong** pada waktu bekerja, iaitu **Isnin** hingga **Khamis** dari jam **8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi** dan **2.00 Petang** hingga **3.00 Petang** dan **Sabtu** dari **jam 8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi**.

2. Tawaran - tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut dibawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 20 Mac 2018 :**

**Pengerusi**
**Lembaga Tawaran Kecil**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Level 1**
**Bangunan Jabatan Perdana Menteri**
**Jalan Menteri Besar**
**Bandar Seri Begawan**
**Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh terakhir mengambil borang tawaran adalah pada
**Selasa 13 Mac 2018.**

3. Yuran tawaran (*tender fee*) dikehendaki dibayar dengan **WANG TUNAI** sahaja dan wang tidak dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran. Pembayaran boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam **8.00 Pagi** di **Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Polis Gadong**.

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**No. Tawaran :**
**JPPK / LTN / 03 / 2018**
**TWO YEARS TERM CONTRACT FOR MAINTENANCE OF GRASS CUTTING AT BERAKAS GARRISON AND PULAU BARU-BARU**
**Bayaran Tawaran**
**BND30.00 (tidak dikembalikan)**
**Kelas : II & Ke atas**
**Kategori : KPB 12 dan S03**
**Tempoh Penyiapan :**
**DUA (2) TAHUN**

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 6 Mac 2017.**

Dokumen-dokumen tawaran serta syarat-syarat lanjut mengenai tawaran ini bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Bolkiah Garison, BS3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Selasa). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 2 Mac 2018, Jumaat, jam 11.00 Pagi.**

**Waktu bagi menerima bayaran :**
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **12.00 Tengah Hari**
**2.00 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Jumaat**
**8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi**

**Waktu bagi mengambil dokumen-dokumen tawaran :**
**Isnin** hingga **Selasa**
**8.30 Pagi** hingga **11.30 Pagi**

**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA,**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**TAWARAN**
**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA,**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI,**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**1. JDBM /SH / TAPAU NASI / K / 01 / 2018**

**NAMA PROJEK :**
TAWARAN
MENYEDIAKAN NASI BERPEK (AYAM / DAGING DAN SAYUR) ATAU MEE DAN AYAM GORENG BERSERTA AIR MINUMAN BOTOL KECIL BAGI LATIHAN DAN MAJLIS KEBERANGKATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERCEMAR DULI DAN RAMAH MESRA DENGAN RAKYAT DAN PENDUDUK DAERAH BRUNEI DAN MUARA

**2. JDBM / SH / TAPAU KUEH / K / 02 / 2018**

**NAMA PROJEK :**
TAWARAN
MENYEDIAKAN / MEMBEKALKAN 3 JENIS KUEH BERSERTA 1 BOTOL KECIL AIR PUTIH DAN 1 OUTER MINUMAN MANIS SEMASA MAJLIS KEBERANGKATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERCEMAR DULI DAN RAMAH MESRA DENGAN RAKYAT DAN PENDUDUK DAERAH BRUNEI DAN MUARA (BAGI PENUNTUT PENGIBAR BENDERA)

**3. JDBM /SH / BUFFET / K / 03 / 2018**

**NAMA PROJEK :**
TAWARAN
MENYEDIAKAN / MEMBEKALKAN JAMUAN BERSERTA MINUMAN PANAS / MINUMAN BOTOL SEMASA LATIHAN DAN PERSIAPAN MAJLIS KEBERANGKATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERCEMAR DULI DAN RAMAH MESRA DENGAN RAKYAT DAN PENDUDUK DAERAH BRUNEI DAN MUARA (BAGI PETUGAS-PETUGAS DAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA)

**4. JDBM / SH / BUFFET / K / 04 / 2018**

**NAMA PROJEK :**
TAWARAN
MENYEDIAKAN / MEMBEKALKAN JAMUAN BAGI MAJLIS KEBERANGKATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERCEMAR DULI DAN RAMAH MESRA DENGAN RAKYAT DAN PENDUDUK DAERAH BRUNEI DAN MUARA (BAGI AHLI-AHLI JAWATAN KUASA TERTINGGI, VVIP, VIP, JEMPUTAN KHAS DALAM DAN LUAR DEWAN, PENGHULU-PENGHULU DAN KETUA-KETUA KAMPUNG )

**SYARAT-SYARAT TAWARAN :**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat, kedai makan atau restoran yang terdapat di Daerah Brunei dan Muara sahaja yang mempunyai lesen perniagaan yang sah.

2. Dokumen tawaran boleh diperoleh di **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Baharu Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam** dengan **bayaran BND10.00** bagi tawaran **SEBUT HARGA JDBM / SH / TAPAU NASI / K / 01 / 2018, SEBUT HARGA JDBM / SH / TAPAU KUEH / K / 02 / 2018** dan **SEBUT HARGA JDBM / SH / BUFFET / K / 03 / 2018** dan **BND30.00** bagi tawaran **SEBUT HARGA JDBM / SH / BUFFET / K / 04 / 2018** secara tunai bagi setiap satu dokumen tawaran dan pentadbiran **[tidak dikembalikan].**

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan nama dan bilangan tawaran, tarikh tutup dan kepada yang ditujukan tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

4. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat seperti di bawah :

**Peti Tawaran**
**Tingkat 1, Bangunan Baru Jabatan Daerah Brunei Dan Muara**
**Lapangan Terbang Lama Berakas**
**Negara Brunei Darussalam.**

**TIDAK LEWAT SELASA, 13 Mac 2018, JAM 2.00 PETANG**

5. Tawaran mestilah disertakan bersama dengan salinan pendaftaran syarikat, salinan sijil perniagaan (Business Enactment Act Section 16 & 17) dan salinan lesen untuk menjalankan perniagaan agensi pengawal keselamatan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima mana-mana tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA,
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**TAWARAN**

**(1)
TAWARAN BILANGAN JDBM / Q / 03 / 2018**

**TAWARAN
MEMBEKAL KONFETI SEMPENA MAJLIS KEBERANGKATAN KDYMM BERAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT BERTEMPAT TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**(2)
TAWARAN BILANGAN JDBM / Q / 04 / 2018**

**TAWARAN
MEMBEKAL DAN MEMASANG KEM SEMPENA MAJLIS KEBERANGKATAN KDYMM BERAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT BERTEMPAT DEWAN PERSANTAPAN LAPAU, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**(3)
TAWARAN BILANGAN JDBM / Q / 05 / 2018**

**TAWARAN
MEMBEKAL DAN MEMASANG KEM SEMPENA MAJLIS KEBERANGKATAN KDYMM BERAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT BERTEMPAT TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**(4)
TAWARAN BILANGAN JDBM / Q / 06 / 2018**

**TAWARAN
MEMBEKAL DAN MEMASANG PERHIASAN SEMPENA MAJLIS KEBERANGKATAN KDYMM BERAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT BERTEMPAT DEWAN PERSANTAPAN LAPAU DAN TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**(5)
TAWARAN BILANGAN JDBM / Q / 07 / 2018**

**TAWARAN
MEMBEKAL DAN MEMASANG KEM KOMPLEX YAYASAN DAN TEMPAT LETAK KERETA KIULAP SEMPENA MAJLIS KEBERANGKATAN KDYMM BERAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berkebolehan dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah dan Sijil Pendaftaran Kementerian Pembangunan.

Dokumen tawaran boleh diperoleh di **Bahagian Kewangan, Tingkat 1 Bangunan Baharu Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam** dengan bayaran BND10.00 **[Ringgit : Sepuluh sahaja]** secara tunai bagi setiap satu dokumen tawaran dan pentadbiran [tidak dikembalikan].

Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (*sealed*) tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul surat itu kecuali ditulis dengan nama projek.

Tawaran tersebut hendalah dimasukkan ke dalam peti tawaran ke alamat seperti di bawah :

**Peti Tawaran
Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Baharu
Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama Berakas
Negara Brunei Darussalam.**

**Tidak lewat Selasa, 27 Februari 2018, jam 2.00 Petang.**

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.

**OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM (SEBUT HARGA)

OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD)

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) akan mengadakan **JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM (SEBUT HARGA)** bagi harta benda Kerajaan yang dinyatakan seperti berikut :

**1. Mariner Outboard 25HP Engine
HARGA TAWARAN PERMULAAN :
BND50.00**

**2. Mariner Outboard 25HP Engine
HARGA TAWARAN PERMULAAN :
BND50.00**

**3. Mariner 15HP Engine
HARGA TAWARAN PERMULAAN :
BND40.00**

**4.Mariner 15HP Engine
HARGA TAWARAN PERMULAAN :
BND40.00**

TARIKH DAN TEMPAT MELIHAT :
**Stor KKBS Sinarubai**

Tarikh Tutup Tawaran :
**Khamis, 1 Mac 2018, jam 2.00 Petang**

Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai yang berminat untuk membeli bolehlah mendapatkan Borang Jualan Lelong secara Tawaran Awam (sebut harga) semasa waktu pejabat di tempat berikut :

**Tingkat 1
Ruang Masuk / Penyambut Tetamu
(depan kaunter sekuriti)
Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Simpang 336-17
Jalan Kebangsaan, BS8110
Negara Brunei Darussalam.**

**Syarat-syarat Tawaran :**

1. Barangan yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.

2. Penender adalah bertanggungjawab untuk memeriksa dan meneliti keadaan barang yang ditawarkan sebelum menyertai tawaran.

3. Penender yang berminat hendaklah mendapatkan borang tawaran dari **Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam** pada waktu pejabat.

4. Borang tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam** dengan membubuh tajuk dan bilangan : **JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM, BILANGAN : (01)KKBS / OBBD / Q-006 - 2015 (JENIS KENDERAAN OBBD)** dan memasukkan ke dalam Peti Tawaran yang telah disediakan. PETI TAWARAN (warna hijau).

5. Tarikh tutup tawaran adalah pada **Khamis, 1 Mac 2018, jam 2.00 Petang.**

6. Setiap satu borang tawaran adalah hanya bagi SATU (1) kenderaan sahaja. Harga indikasi adalah harga tawaran permulaan.

7. Borang tawaran adalah dikenakan dengan harga **BND2.00 (Ringgit Brunei : Dua Ringgit sahaja)** setiap satu (tidak dikembalikan).

8. Penender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran dalam tempoh masa TIGA (3) hari waktu bekerja selepas dimaklumkan / pemberitahuan dan jika gagal menjelaskannya maka barangan berkenaan akan ditawarkan kepada penender yang lain.

9. Penender yang berjaya hendaklah MEMINDAHKAN barangan tersebut **TIDAK LEWAT LIMA (5) hari** selepas membuat pembayaran dan pihak jabatan tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan / kehilangan dalam tempoh tersebut.

10. Jika penender yang berjaya, tetapi **GAGAL MEMINDAHKAN** barangan tersebut dalam tempoh **LIMA (5) hari** selepas membuat pembayaran, barangan berkenaan akan menjadi MILIK Jabatan dan jabatan berhak untuk melelong semula barangan berkenaan. Wang yang telah dijelaskan **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN.**

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**Tajuk Tawaran :
1) UNISSA / SB00031 / 2017 / 2018
TO PROPOSE, SUPPLY, DELIVERY AND INSTALL NEW FIRE ALARM SYSTEMS FOR UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)**

**2) UNISSA / SB00033 / 2017 / 2018
REPAIR WORKS FOR THEATER LECTURE CHAIRS AT UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)**

**3) UNISSA / SB00035 / 2017 / 2018
PERKHIDMATAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN SELAMA SATU (01) TAHUN BAGI UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)**

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen tawaran boleh diperoleh :
**BAHAGIAN KEWANGAN
TINGKAT 1
BANGUNAN PENTADBIRAN
DAN KEWANGAN
SIMPANG 347
JALAN PASAR BAHARU
GADONG, BE1310
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Nota : Dokumen tawaran akan mengandungi borang sebut harga, spesifikasi dan / atau syarat-syarat tawaran dan juga borang pengakuan integriti penender.

3. Pada waktu-waktu (termasuk menerima yuran tawaran) seperti berikut :

**Isnin** hingga **Khamis
8.30 Pagi** hingga **11.00 Pagi
2.00 Petang** hingga **3.00 Petang
Sabtu
8.30 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

4. Yuran tawaran adalah **BND10.00 sahaja bagi tajuk tawaran 1 dan 2, manakala BND30.00 sahaja bagi tajuk tawaran 3** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah.

5. Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan dan dialamatkan kepada :

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
KEWANGAN (A), BLOK A, TINGKAT 1
BANGUNAN KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

6. Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat **Selasa, 6 Mac 2018, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat dihantar tidak akan diterima.

Untuk maklumat dan syarat lanjut mengenai tawaran tersebut, sila rujuk di tempat mengambil dokumen tawaran seperti yang dinyatakan di atas.

# Tanamkan niat bersama iman dan takwa



**PROGRAM Masjidku Makmur, Negara Berkat diisi dengan Tazkirah Subuh bertajuk 'Satukan Niat : Menjayakan Wawasan Negara' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muskrisman bin Haji Mustafa yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.**

**Berita dan Foto :**
**Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 25 Februari. - Tahun ini genap Negara Brunei Darussalam meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34. Segala yang dikecapi ini merupakan satu nikmat dari Allah Subhanahu Wata'ala yang wajib disyukuri dan tanggungjawab mengisinya hendaklah sentiasa ditanai oleh setiap lapisan masyarakat.

Di samping itu selaku rakyat di bumi bertuah, Negara Brunei Darussalam hendaklah sentiasa bekerjasama berganding bahu untuk menjayakan Wawasan Negara 2035.

Perkara tersebut merupakan perincian ringkas yang dikongsikan bertajuk 'Satukan Niat : Menjayakan Wawasan Negara' disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muskrisman bin Haji Mustafa.

Di dalam menjayakan wawasan tersebut selaku rakyat tegasnya, hendaklah sentiasa menanamkan niat ke dalam diri yang turut diiringi bersama dengan iman dan takwa.

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Jaafar; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Turut sama menyerikan program ini ialah Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap I, KUPU SB, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran, Unit Kesihatan Keselamatan Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar, Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Bahagian Peperiksaan Jabatan Pengajian Islam dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kehadiran jemaah memakmurkan rumah Allah diharapkan akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa persamaan di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat.

Program Masjidku Makmur, Negara Berkat merupakan sebuah program untuk mengalu-alukan jemaah bagi memakmurkan masjid dan seterusnya secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah pada awal waktu di masjid.

# Utamakan keselamatan pemandu, pengguna perahu tambang

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 25 Februari. - Bagi sama-sama memeriahkan lagi Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018, Kementerian Perhubungan melalui rakan-rakan strategik Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) dan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) mengadakan Kempen Keselamatan Jalan Raya dan Pemakaian Jaket Keselamatan Perahu Tambang di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Kempen tersebut menumpukan pembarigaan mengenai perihal pentingnya memandu dengan selamat, waspada dan mengikut had laju yang ditetapkan, kesedaran mengenai dengan penggunaan tali pinggang keselamatan dan telefon bimbit semasa memandu, kefahaman tentang tayar dan kesannya terutama sekali memandu pada waktu hujan atau atas jalan raya yang basah, keselamatan berbasikal dan bagi pejalan kaki terutama pada waktu malam serta pentingnya memakai jaket keselamatan bagi pemandu dan penumpang apabila menaiki perahu tambang dan bot laju.

Adalah dihasratkan dengan adanya kempen yang diungkayahkan bersama rakan-rakan strategik itu dapat meningkatkan kesedaran orang ramai, khususnya pengguna-pengguna jalan raya untuk sama-sama meningkatkan keselamatan jalan raya di negara ini juga kepada para pengguna di perairan dan laut mengenai perihal pentingnya penggunaan jaket-jaket keselamatan semasa menggunakan bot, jet ski dan sebagainya.

Menyertai kempen ialah Sekretariat MKKJR, Kementerian Perhubungan, MPABD, Automagination Services (syarikat subsidiari Boustead Sdn. Bhd.), Persekutuan Basikal Negara Brunei Darussalam dan Syarikat Aewon Garment and Embroidery.

Turut serta, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dr. Awang Haji Supry bin Haji Awang Ladi serta ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya serta Ahli-ahli MKKJR.

# Bersatu praktikkan acara mengikut calak Brunei

**Dari muka 9**

Turut hadir, Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar serta Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Objektif program bertemakan 'Mari..Tah..Bedudun..' itu antaranya adalah untuk mengisi dan memanfaatkan masa yang terluang semasa cuti kelepasan awam Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34.

Program ini juga bertujuan untuk menjalinkan hubungan silaturahim dalam kalangan para belia, di samping dapat memakmurkan lagi masjid dengan pelbagai aktiviti.

Selain itu, ia juga diharap dapat menarik lebih ramai lagi golongan belia khususnya untuk menyertai Kumpulan Belia Masjid.

Antara pengisian program ini ialah mengenang sejarah hidup Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, selain diisikan dengan pelbagai aktiviti menarik yang boleh memberi pengalaman, pengetahuan dan kemahiran antaranya lawatan ke masjid-masjid, ceramah, perbincangan, kerja amal dan sebagainya.

# Art Affair satukan pelukis tanah air

**Berita dan Foto :**
**Aimi Sani**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 25 Februari. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan menganjurkan 'Art Affair' bertempat di ibu negara.

Setiausaha Agung Majlis Belia Brunei, Awang Zefri bin Arif ketika ditemui berkata, pameran ini merupakan satu platform untuk mengumpulkan pelukis seni tanah air dalam mengetengahkan hasil karya seni mereka.

Melalui pameran ini juga, para peserta juga dapat bertukar-tukar pandangan sesama mereka dan peminat lukisan tanah air.

Manakala Dayang Noor 'Izzati binti Haji Mohd. Allinoor berkata, beliau adalah seorang pelukis kesenian mushaf dan pada ketika ini bertugas di Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sebagai Penolong Pegawai Pusat Kaligrafi.

Minat melukis ini jelasnya, timbul sejak dari dulu lagi dan beliau berterima kasih kepada YSHHB kerana memberi peluang kepada beliau untuk menjalani Diploma dalam Kesenian Mushaf di Kolej Restu, Shah Alam, Selangor selama dua tahun.

"Pada awalnya cuma pada dasar ingin tahu dan akhirnya minat itu timbul dengan sendirinya sedikit demi sedikit," jelasnya.



**SETIAUSAHA Agung Majlis Belia Brunei, Awang Zefri bin Arif berkata, pameran ini merupakan satu platform untuk mengumpulkan pelukis seni tanah air.**



**DAYANG Noor 'Izzati binti Haji Mohd. Allinoor minat melukis khususnya kesenian mushaf.**

# Tingkatkan kemahiran, kepakaran, profesionalisme belia

**Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi ketika ditemui pada akhir acara sambutan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 Februari. - Alhamdulillah, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34, Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi baru-baru ini amat dijunjung tinggi kerana memberi banyak panduan, nasihat dan hala tuju pada negara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi menyatakan demikian semasa ditemui selepas selesainya Upacara Perhimpunan Agung bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan kali ini di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Yang Berhormat antara lain menyentuh mengenai aspek belia yang memainkan peranan penting dalam pembangunan negara ke arah merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Sehubungan itu, Yang Berhormat menyeru para belia agar mereka jadi inklusif, berfikiran maju ke hadapan dan menjadi sebahagian perubahan dalam strategi dan polisi.

Kita tambahnya, hendaklah menanai titah Kebawah DYMM untuk lebih secara inklusif kepada generasi belia agar mereka ke hadapan dengan pemikiran idea dan menjadi daripada sebahagian masyarakat dan pemangkin negara ke arah mencapai visi yang kini hanya 17 tahun jaraknya ke depan.

Yang Berhormat yang baru dilantik menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya menjelaskan, pihaknya ada menjalankan sebahagian inisiatif sebagai platform yang sangat baik seperti Kongres Belia, perkumpulan belia dan sebagainya.

Tambahnya, pihaknya perlu memastikan bahawa semua platform yang wujud untuk menghidupkan semula supaya dapat membawa masuk belia dalam kongres dan dari situ dapat memperdengarkan pandangan mereka.

Yang Berhormat juga mengharapkan kongres atau perhimpunan belia akan dapat melibatkan mereka dalam persekitaran yang positif serta dapat menganalisis dan mungkin pendapat baik yang mereka kemukakan itu akan dipertimbangkan dalam strategi dan dasar mereka.

Sementara itu, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad menyatakan, berkat kepimpinan Kebawah DYMM memberikan nasihat dan menyeru para belia untuk mengambil inisiatif di dalam tampuk kepimpinan, di peringkat masyarakat, pekerjaan dan badan bukan kerajaan adalah satu dorongan positif daripada pemimpin tertinggi kitani.

Para belia tegasnya, haruslah meningkatkan kemahiran, kepakaran serta profesionalisme di dalam sama-sama mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat seterusnya menekankan agar masyarakat juga harus mengupayakan para belia kitani untuk meneruskan legasi dengan memberi bimbingan, peluang serta kepercayaan kepada belia kitani.

"Kitani harus tidak lupa perkara yang paling penting, iaitu nilai-nilai kitani, calak Brunei kitani. Melayu Islam Beraja haruslah jadi amalan serta panduan kitani.

Saya menyeru para belia untuk terus maju, terus berusaha dan terus berjaya di dalam bidang abiskita, baikpun pelajaran, kerjaya, perkhidmatan profesional atau kerja berkebajikan. Jadilah Belia Harapan Bangsa dalam sama-sama 'Menjayakan Wawasan Negara'," tambahnya lagi.

Manakala Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari pula berpendapat, titah Kebawah DYMM benar-benar menunjukkan rasa keprihatinan baginda terhadap masa depan negara dengan menggalakkan para belia pada masa ini untuk memegang tanggungjawab yang lebih besar dan mengambil peluang-peluang yang ada, sama ada tempatan ataupun antarabangsa.

Belia tegasnya, haruslah proaktif dalam mencari peluang-peluang tersebut dan pada masa yang sama masyarakat juga perlu menerima idea-idea yang bagus juga pelaksanaannya yang datang dari mana-mana.

Menurutnya, umur bukannya fakta, jadi berilah galakan kepada anak-anak muda di masyarakat kita sendiri untuk menyumbang pada pembangunan negara.

"Setiap rakyat dan penduduk mempunyai tanggungjawab dan peranan dalam mencapai wawasan negara dalam apa jua cara. Kita haruslah tidak terlalu bergantung kepada kerajaan dan berusaha dengan cara sendiri.

Sebagai belia kita mempunyai banyak potensi untuk menerokai idea-idea baharu. Beranikanlah diri untuk mengambil peluang-peluang yang ada kerana dari sana kita dapat melihat sejauh mana potensi yang dapat kita capai. Jangan malu bertanya dan yang penting sekali ialah niat kita dalam menjalankan apa apa jua perkara," jelasnya yang juga selaku Pengasas Bersama / Community Engagement Director of Green Brunei.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad menyeru para belia untuk mengambil inisiatif di dalam tampuk kepimpinan di peringkat masyarakat.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari berkata, setiap rakyat dan penduduk mempunyai peranan dalam mencapai Wawasan Negara.

## Sambutan penuh gemilang, warna-warni

**Berita : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 24 Februari. - Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-34 kali ini berlangsung penuh meriah dengan jayanya.

Justeru itu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34, Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

Semasa ditemui selepas selesainya acara sambutan di sini, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan juga menjunjung kasih ke hadapan majlis paduka anakanda Kebawah DYMM, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah atas penglibatan YTM dalam acara perbarisan lalu bagi Pasukan Cemerlang.

Katanya, penglibatan YTM berangkat turun padang hari ini meningkatkan lagi semangat di kalangan para peserta.

Yang Berhormat seterusnya melahirkan penghargaan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa sambutan, termasuk mantan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa serta para AJK dan para peserta yang terlibat dari pelbagai lapisan masyarakat yang memberikan komitmen mereka demi menjayakan acara yang penuh gemilang dan berwarna-warni.

Penglibatan para peserta jelas Yang Berhormat, mencerminkan satu semangat patriotisme dalam menzahirkan rasa cinta kepada raja dan negara.

Apa yang menarik ialah keriangan para peserta sambutan dalam komitmen persembahan dan penglibatan mereka bersungguh-sungguh, di samping cuaca yang begitu mengizinkan sekali semasa berlangsung acara sambutan.

# Kagum dengan keamanan negara

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**



LARRY Yung (kanan) berasal dari New Jersey, Amerika Syarikat bersama isteri.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 Februari. - Negara Brunei Darussalam sememangnya sinonim dengan keamanan dan kesejahteraan rakyatnya berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Darussalam.

Bagi Larry Yung yang berasal dari New Jersey, Amerika Syarikat, sebagai sebuah negara yang kecil dan masih dikirakan baharu dalam mencapai kemerdekaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berjaya mewujudkan sebuah masyarakat yang aman dan teratur serta negara yang membangun.

Beliau menambah, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Darussalam merupakan pemimpin yang hebat kerana sentiasa menjaga kebajikan rakyat dan memastikan mereka memperoleh kehidupan yang stabil dan berkualiti tinggi.

Ke muka 19

# Bendera besar sempena HK Ke-34 diturunkan





TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman ketika menerima Bendera Besar Negara Brunei Darussalam daripada Ketua Perbarisan anggota Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) sejurus bendera besar diturunkan (kiri). Manakala gambar kanan, anggota TLDB menurunkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera kebangsaan seluruh negara.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 25 Februari. - Setelah berkibar megah di ruang angkasa Bandar Seri Begawan kira-kira lebih seminggu Bendera Besar Negara Brunei Darussalam diturunkan dalam upacara beradat yang berlangsung di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Upacara Penurunan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 Tahun dihadiri oleh Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman selaku tetamu kehormat.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Upacara Penurunan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap Kemasyarakatan dan Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan ketua-ketua jabatan.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Majlis diteruskan dengan Pasukan Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada anggota Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) bergerak masuk dengan diiringi oleh Pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei.

Majlis diteruskan dengan Upacara Penurunan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam yang kemudiannya diserahkan oleh Ketua Perbarisan Anggota TLDB kepada tetamu kehoramt, Yang Mulia Dato Paduka Awang Ahmaddin diikuti dengan bacaan Doa Selamat bagi penutup upacara berkenaan.

# PBCTA tingkatkan semangat kenegaraan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 Februari. - Seramai 47 belia dari keempat-empat daerah menerima sijil penghargaan atas penyertaan mereka dalam Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) Ke-13 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof menyampaikan sijil dan cenderamata penghargaan kepada peserta perempuan terbaik, Dayang Hajah Nur Nafisah Nabilah binti Haji Hamdan dari Daerah Brunei dan Muara.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Majlis berlangsung di Dewan Riadah, Pusat Belia di ibu negara.

Hadir bagi menyempurnakan majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Md. Saifuddin bin Md. Sophian dan Awangku Md. Akmal Faiz bin Pengiran Haji Sarjana Aljundi, peserta dari Daerah Temburong dan seterusnya bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dikepalai oleh Mohd. Akmal Syahmi bin Jaya peserta dari Daerah Tutong.

Wakil-wakil peserta PBCTA dari Daerah Brunei dan Muara juga berpeluang membentangkan hasil penyertaan mereka melalui Mohammad Wa'ie Al-Syafiq bin Mohammad Shafiee; Dayang Sharifah Amalia binti Malai Hamzah; Dayang Nurul Izyan Anver dan Mohammad Nabil Nawal Hakim bin Haji Zaini menerusi tayangan video aktiviti-aktiviti PBCTA.

Acara diteruskan dengan penyampaian sijil penyertaan dan penghargaan kepada para peserta PBCTA oleh tetamu kehormat dan kepada peserta lelaki juga perempuan terbaik, Mohammad Wa'ie Al-Syafiq bin Mohammad Shafiee dan Dayang Hajah Nur Nafisah Nabilah binti Haji Hamdan.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Haji Zafri bin Haji Mohamed selaku Pengerusi Majlis, dalam ucapan alu-aluan menyatakan, ke arah meningkatkan lagi keberkesanan program, pihak jabatan telah pun meneliti dan mengenal pasti empat komponen penting yang diserapkan dalam merancang pelaksanaan aktiviti-aktiviti bagi Perkampungan PBCTA, iaitu Kepimpinan dan Kenegaraan; Sukarelawan; Keugamaan dan Kerohanian, serta Sukan dan Riadah.

Juga menyertai program tersebut sebagai sukarelawan tahun ini ialah seramai 11 orang peserta Alumni PBCTA.

"Penglibatan Alumni dalam PBCTA cukup kukuh untuk membuktikan semangat patriotisme para belia dalam menabur bakti untuk lebih mencintai tanah air dan menghargai keperibadian bangsa. Alhamdulillah, perkara ini merupakan satu respon positif dalam memastikan program ini terus relevan untuk diungkayahkan pada masa akan datang," jelasnya lagi.

PBCTA bertujuan untuk meningkatkan semangat kenegaraan dan kekitaan belia kepada masyarakat, di samping mengadakan aktiviti kenegaraan ke arah meningkatkan lagi semangat patriotik dan untuk bergiat aktif dalam mengikuti apa jua aktiviti yang bersifat kepimpinan, kesukarelawanan serta pembangunan belia juga menyemarakkan semangat setia kawan, gotong-royong dan saling membantu di antara satu sama lain.

# Bersyukur terpilih sertai barisan Pasukan Ikrar

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 Februari. - Bacaan ikrar merupakan salah satu daripada acara kemuncak pada setiap Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun ini, seramai 43 peserta dipilih untuk menyertai Pasukan Ikrar yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam serta mahasiswa dan mahasiswi dari Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa peserta pada Acara Kemuncak Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018.

Wakil dari Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pengiran Azizul Rahman bin Pengiran Haji Yusop yang merupakan pembaca utama, antara lain melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana terpilih untuk menyertai Pasukan Ikrar bagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 pada tahun ini.

"Ia sangat bermakna kerana bukan sahaja dapat membaca ikrar, namun terpilih untuk mengetuai suara-suara yang patriotik di belakang saya nanti, itu yang membuatkan saya berasa teruja dan berbangga, Alhamdulillah," jelasnya.

Perasaan yang sama turut dirasai oleh Dayangku Siti Haryatul Halmie binti Pengiran Omar yang merupakan wakil dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang juga berasa gembira kerana berpeluang untuk mengikuti Pasukan Ikrar tersebut.

Menyentuh mengenai tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan, iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara,' beliau menjelaskan, setiap individu seharusnya menanamkan sifat untuk membangun bersama-sama, sentiasa proaktif dan taat kepada Allah serta raja yang dikasihi bagi membantu negara mencapai Wawasan 2035.

Bagi Awang Haji Abdul Alif bin Haji Sulaiman yang merupakan salah seorang daripada mahasiswa UBD yang terpilih juga menzahirkan rasa syukur dan gembira kerana berpeluang mengikuti barisan Pasukan Ikrar pada usia seawal 27 tahun.

"Sebanyak lebih kurang 250 orang yang ingin menyertai barisan Pasukan Ikrar tersebut dan Alhamdulillah saya di antara 43 peserta yang terpilih dan itu membuatkan saya amat terharu dan bersyukur," tambahnya lagi.

Sementara Guru Tingkat 2 di Sekolah Menengah Masin, Awang Helmi bin Haji Mohd. Imran yang merupakan wakil dari Kementerian Pendidikan turut berasa terharu dan bangga kerana terpilih untuk menjadi pelaung 'Allahuakbar' pada upacara kemuncak tersebut.

"Apabila berpeluang untuk menyertai kumpulan ikrar pada tahun ini, apatah lagi terpilih menjadi pelaung Allahuakhbar, saya berasa teruja dan terharu kerana dapat turut serta dalam sambutan hari yang penuh dengan bersejarah ini dan ia akan menjadi kenangan manis serta ristaan kepada anak-anak juga sejarah sampai bila-bila," tambahnya lagi.




PEMBACA utama, Pengiran Azizul Rahman bin Pengiran Haji Yusop (kiri), manakala gambar kanan, Pelaung Allahuakbar, Awang Helmi bin Haji Mohd. Imran, Guru Tingkat 2 di Sekolah Menengah Masin.




MAHASISWA UBD, Awang Haji Abdul Alif bin Haji Sulaiman (kiri), manakala gambar kanan, wakil dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayangku Siti Haryatul Halmie binti Pengiran Omar.

# Kagum dengan keamanan negara



GEORGIA Schmitt dari Minnesota, Amerika Syarikat (dua, kanan) dan kawan-kawan dari UBD.

Dari muka 17

"Rakyat di negara ini juga sangat menghormati pemimpin mereka," katanya semasa menyaksikan Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Sementara itu, Georgia Schmitt dari Minnesota, Amerika Syarikat berkata, beliau teruja kerana dapat menyaksikan upacara berkenaan di mana setiap peserta perbarisan memakai pakaian seragam masing-masing dan ia nampak kemas, cantik serta teratur.

Mahasiswi penyelidikan di Universiti Brunei Darussalam ini juga tertarik dengan keamanan dan ketenangan negara ini serta keramahan masyarakatnya.




**BERIKUT ADALAH TAJUK-TAJUK RUANG LENSA :**

Tajuk-tajuk akan datang :
1) 'Keceriaan Sambutan Hari Kebangsaan' (tarikh tutup 10 Mac 2018)
2) 'Hobi' - (tarikh tutup 24 Mac 2018)
3) 'Pantai' - (tarikh tutup 7 April 2018)
Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh tutup berkenaan.

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :

pelita.brunei@information.gov.bn

5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang sagu hati BND50.00.

## Pemenang minggu ini



Tajuk : 'Taman dan Rekreasi di Negara Brunei Darussalam'
Keterangan gambar : Taman Mahkota Jubli Emas adalah satu tempat tarikan orang ramai khususnya bagi rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam serta para pelancong. Terletak berhampiran dengan Masjid Omar 'Ali Saifuddien, taman ini mempunyai pemandangan yang sangat indah.
Kamera : Sony Alpha A6000, ISO 150, Apeture 3.5, shutterspeed 1\100
Nama pemenang : Muhamad Khairul Ikhwan bin Hasnan (No. IC : 01-086870)
No. 59, Simpang 842-102, Kampung Tanjong Bunut, BH2920, Negara Brunei Darussalam.

# Lebih tiga dekad negara merdeka banyak kemajuan dikecapi





DAYANG Nora Aqilah binti Saini (tengah) bersama rakan-rakan (kiri), manakala gambar kanan, Dayang Siti Nur Nikmatuhullah binti Mohammad Dimaz @ Zizie (kiri) bersama rakan-rakan menyaksikan sambutan.

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 Februari. - Seiring tiga dekad Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan, banyak kemajuan telah dicapai dalam meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat di negara ini.

Bagi seorang belia, Dayang Nora Aqilah binti Saini berkata, salah satu kemajuan negara yang beliau kecapi pada masa ini adalah dengan meningkatnya aspek perkembangan teknologi maklumat di negara ini.

"Ini menunjukkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan rakyat baginda tidak ketinggalan dalam era globalisasi ini," katanya semasa hadir menyaksikan Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan pada tahun ini juga, beliau berharap agar negara ini akan terus kekal aman dan sejahtera di bawah kepimpinan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, Dayang Siti Nur Nikmatuhullah binti Mohammad Dimaz @ Zizie juga berkongsi pendapat yang sama, di mana katanya, perkembangan teknologi maklumat dapat dimanfaatkan untuk menambah pengetahuan yang berguna.

"Kemajuan teknologi maklumat juga sangat penting bagi memudahkan perhubungan dan urusan dalam kehidupan seharian," katanya.

Beliau turut berharap agar para belia di negara ini supaya tidak terus leka dengan keamanan yang dikecapi dan terus berusaha meraih kecemerlangan dalam apa jua bidang yang mereka ceburi.

# Peserta persembahan padang zahirkan semangat patriotik



AWANG Julaini bin Haji Jahit, wakil peserta dari Jabatan Perdana Menteri semasa ditemu bual.

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 Februari. - Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 merupakan sambutan yang penting bagi menzahirkan ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mendukung kepimpinan bijaksana baginda.

Kegembiraan jelas terpancar pada wajah para peserta persembahan padang semasa Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018, yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Pelita Brunei menemui beberapa peserta persembahan padang yang terlibat menjayakan upacara tersebut yang terdiri daripada para penuntut sekolah dan pegawai kerajaan.

Bagi Awang Julaini bin Haji Jahit, wakil peserta dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) menyatakan, beliau amat berbangga dan berbesar hati kerana sebagai warga perkhidmatan yang terpilih untuk turut serta, ia boleh memantapkan lagi semangat dan menanamkan rasa patriotik ke dalam diri.

"Ini merupakan yang Ke-10 kali saya terlibat mengambil bahagian pada acara kemuncak Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34," jelasnya.

Beliau mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat meraikan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kepada seluruh warga Perkhidmatan Awam dan menyeru agar terus memberikan apa jua sumbangan terhadap negara pada masa yang akan datang.

Sementara bagi Dayang Nur Shafini binti Tajuddin yang sudah lima kali berturut-turut melibatkan diri dalam persembahan padang melahirkan rasa gembira kerana pada tahun ini masih terpilih untuk ikut serta sebagai peserta Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34.

Manakala Cleo Marsha binti Jasni pula, terpilih sebagai peserta persembahan padang sebanyak empat kali berturut-turut.

Kedua-dua pegawai dari Pejabat Daerah Tutong ini berasa bangga menjadi rakyat Brunei yang hidup dalam suasana aman dan harmoni serta mempunyai raja yang berjiwa rakyat.

Bagi Awangku Radin Adi Nor Putra bin Pengiran Edi Wira dan Awang Muhd. Husli Rahimi bin Abdul Rahim, penuntut Tahun 9 dari Sekolah Menengah Rimba II yang buat pertama kalinya menyertai Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 berasa gembira kerana berpeluang untuk merasai pengalaman baharu dalam hidup.

"Yang sangat seronok ialah kami dapat banyak kawan baharu dari sekolah lain dan saling bertukar-tukar cerita mengenai pelajaran dan sebagainya," jelas Awangku Radin Adi Nor Putra.

Awang Muhd Husli Rahimi pula menyatakan, jika diberi peluang lagi mereka pasti tidak akan menolak untuk ikut serta lagi dalam mana-mana acara yang melibatkan mereka dalam memberi sumbangan terhadap negara sebagai Rakyat Negara Brunei Darussalam.



DAYANG Nur Shafini binti Tajuddin (kiri) dan Cleo Marsha binti Jasni (kanan) dari Pejabat Daerah Tutong semasa ditemu bual.



AWANGKU Radin Adi Nor Putra bin Pengiran Edi Wira (kiri) dan Awang Muhd. Husli Rahimi bin Abdul Rahim (kanan), penuntut Tahun 9 dari Sekolah Menengah Rimba II semasa ditemu bual.

# Warna-warni Hari Kebangsaan







**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi, Masri Osman, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**PELBAGAI lapisan rakyat serta penduduk negara sama-sama berkumpul di ibu negara seawal pagi lagi untuk sama-sama menjayakan serta menyaksikan kegemilangan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 yang penuh warna-warni.**





Ke muka 22

# Warna-warni Hari Kebangsaan

Dari muka 21



KEGEMBIRAAN, kesungguhan dan pelbagai ragam keceriaan terpancar pada wajah para barisan kanak-kanak juga belia penjana Wawasan Negara dan kemajuan negara dalam sama-sama menjayakan majlis perbarisan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 di ibu negara.











# Syahkampong - Puspa United Academy, masing-masing rebut gelar 'Raja Penalti Brunei'





INSTRUKTOR Akar Umbi FIFA merangkap Jurulatih Futsal AFC, Awang Haji Puspa bin Haji Mohammad (kiri) bergambar ramai bersama juara Kategori Terbuka serta juara dan naib juara Kategori B-17 (kiri). Sementara gambar kanan, Awang Haji Puspa menyampaikan Anugerah Penendang Penalti Terhebat Kategori B-17 kepada Md. Adib Syazwan bin Suherman (kiri) dari pasukan Puspa United Academy.

**Berita dan Foto :**
**Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 25 Februari. - Syahkampong dan Puspa United Academy dinobatkan gelaran 'Raja Penalti Brunei' masing-masing dalam Kategori Terbuka dan Bawah 17 Tahun (B-17) pada Kejohanan Raja Penalti Brunei Siri 1, 2018 berlangsung di Dewan Sukan Universiti Brunei Darussalam baru-baru ini.

Pada perlawanan akhir Kategori Terbuka, pasukan Syahkampong berjaya menewaskan pasukan Velocity FT, 4 - 3, manakala pasukan Royal Brunei Recreational Club (RBRC) terpaksa akur menjadi naib juara setelah kalah 10 - 9 di tangan pasukan Puspa United Academy dalam perlawanan akhir bagi Kategori B-17.

Sementara itu, Awangku Md. Nazirrul Aqil bin Pengiran Md. Yassin dari pasukan Syahkampong dan Md. Adib Syazwan bin Suherman dari pasukan Puspa United Academy, masing-masing menerima Anugerah Penendang Penalti Terhebat.

Manakala Anugerah Penyelamat Penalti Terhebat dimenangi oleh Muhammad 'Aiman Syafiq bin Haji Mohamad Roslani dari pasukan Syahkampong dan Mohammad Nurasfa Nabihan Aqil bin Haji Puspa dari pasukan Puspa United Academy.

Hadir menyaksikan kejohanan dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Instruktor Akar Umbi FIFA merangkap Jurulatih Futsal AFC, Awang Haji Puspa bin Haji Mohammad.

Kejohanan yang julung-julung kalinya dianjurkan itu merupakan projek kerjasama Akademi Syahkampong dengan Puspa United Academy dan dihasrat untuk diadakan setiap bulan bagi mencari dua pasukan yang bakal berentap di Final Kemuncak Raja Penalti Brunei 2018 pada bulan Disember nanti.

Pada kejohanan itu, setiap pasukan diwakili lima orang penendang penalti dan seorang penjaga gawang dan ia dijalankan secara liga satu pusingan di peringkat awal bagi mencari dua pasukan terbaik setiap kumpulan, yang kemudiannya berentap di pusingan kalah mati.

# HOGB Chapter adakan We Love Brunei Darussalam Ride




LEBIH 40 dari Persatuan Pemilik-Pemilik Motosikal Harley-Davidson Brunei Chapter (HOGB Chapter) menyertai 'We Love Brunei Darussalam Ride' sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 ketika bergambar ramai.

**Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 24 Februari. - Persatuan Pemilik-Pemilik Motosikal Harley-Davidson Brunei Chapter (HOGB Chapter) malam ini telah mengadakan 'We Love Brunei Darussalam Ride' sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34.

Lebih 40 pemilik motosikal jenama Harley-Davidson menyertai acara yang diadakan setiap tahun itu.

Sebelum memulakan konvoi, ahli-ahli berkumpul di Harley-Davidson Dealership di Lambak Kanan dan mendengar taklimat ringkas mengenai keselamatan yang disampaikan oleh Activity Officer, Awangku Redzaidi bin Pengiran Haji Ahmad juga selaku ketua konvoi.

Perjalanan konvoi melalui Lebuhraya Muara-Tutong, Jalan Jerudong, Lebuhraya Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, melintasi Istana Nurul Iman, Jalan Batu Satu dan terus menuju ke Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi acara bergambar ramai sebelum mengakhiri konvoi di Dermaga Diraja di ibu negara.

Perjalanan lebih kurang 34 kilometer itu adalah sebagai membuktikan semangat patriotik dalam kalangan ahli dan mendedahkan tatacara menunggang secara berkumpulan pada waktu malam.

Acara juga bertujuan bagi mengumpul para ahli untuk bersama-sama meraikan hari kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, di samping untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli.

Dalam kesempatan ini, ahli-ahli jawatankuasa tertinggi dan ahli-ahli HOGB Chapter dengan penuh hormat serta takzim sukacita mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun kepada semua rakyat Brunei.

Pelita BRUNEI

# Sukan

## INFO SUKAN

SUKAN Triathlon semakin berkembang di negara ini dengan penyertaan yang semakin meningkat daripada kalangan peminat sukan tempatan. Ia merupakan sukan gabungan daripada tiga sukan yang berlainan, iaitu acara sukan yang dimulakan dengan renang, diikuti dengan acara berbasikal dan diakhiri dengan acara larian yang akan menjadi penentu siapa yang menjadi juara sukan berkenaan.

ePaper Pelita Brunei

# Rancang laluan khas penunggang basikal



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Jaafar.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 25 Februari. - Kementerian Perhubungan melalui rakan-rakan strategik Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) dan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) mengadakan Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya sempena Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2018, yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Sehubungan itu, Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof menasihatkan orang ramai supaya mengamalkan bacaan doa sebelum memulakan perjalanan.

Yang Berhormat juga menekankan agar mengurangkan kelajuan ketika memandu terutama pada waktu hujan dan sentiasa memakai tali pinggang keselamatan bagi pemandu dan penumpang kenderaan ketika berada di jalan raya.

Yang Berhormat juga menyeru agar jangan menggunakan telefon bimbit semasa memandu serta memastikan kenderaan secara keseluruhan termasuk semua tayar dalam keadaan baik.

"Jangan memandu di bawah pengaruh alkohol dan amalkan sikap pemanduan yang berhati-hati, berhemah dan beretika serta mematuhi undang-undang jalan raya setiap masa," jelas Yang Berhormat.

Katanya, Kempen Keselamatan bukan sahaja mengenai keselamatan jalan raya tetapi jua kesedaran mengenai pengguna-pengguna di perairan dan laut seperti pembarigaan mengenai pentingnya pemakaian jaket-jaket keselamatan semasa perjalanan menggunakan bot.

Manakala Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar juga menjelaskan bahawa Riadah Berbasikal ini harus diteruskan kerana ia amat perlu untuk menjaga kesihatan, malah untuk kekeluargaan dan memeriahkan lagi Bandarku Ceria setiap hari Ahad.

Menurutnya, diharap penunggang basikal perlu menjaga keselamatan ketika berbasikal, tidak kira siang mahu pun malam dan juga sentiasa memastikan basikal dalam keadaan baik terutama sekali tayar.

Katanya, bagi penunggang basikal diharap dapat menggunakan lorong yang betul. Kementerian Pembangunan akan merancang akan membuat jalan khas untuk keperluan-keperluan penunggang basikal.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Jaafar berkata, Riadah Berbasikal ini amat penting bagi orang ramai untuk menjaga kesihatan dan ia juga perlu diamalkan selalu.

Katanya, terdapat pelbagai perkara yang boleh kita lakukan, yang paling penting adalah bertanggungjawab terhadap kesihatan diri sendiri kerana pilihan gaya hidup yang sihat amat bergantung kepada persekitaran fizikal.

Menurutnya, orang ramai juga perlu mementingkan keselamatan jalan raya ketika menunggang basikal dan perlu menggunakan lorong yang betul.

"Sebelum menunggang basikal, penunggang perlu memastikan keselamatan terutama tayar. Keselamatan jalan raya ini tidak hanya untuk penunggang basikal sahaja malah pemandu kereta juga perlu memastikan keselamatan," jelasnya.

# Riadah Berbasikal eratkan hubungan raja dan rakyat

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 25 Februari. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bercemar duli menyertai Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan sangat dinanti-nantikan dan dapat mengeratkan lagi hubungan raja dan rakyat.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Panglima Kolonel (B) Dato Paduka Abdul Jalil bin Haji Ahmad ketika ditemui berkata, keberangkatan baginda ini adalah peluang besar bagi rakyat jelata bagi sama-sama memeriahkan lagi suasana riadah pagi ini.

Sebagai salah seorang peserta yang mewakili Pegawai Angkatan Bersenjata Bersara (PABB), Yang Dimuliakan Pehin juga berasa sangat teruja kerana berpeluang menyertai riadah berkenaan.

Sementara itu, Setiausaha Tetap Kemasyarakatan dan Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil ketika ditemui menjelaskan mengenai objektif riadah, iaitu untuk menarik masyarakat dari pelbagai umur dan latar belakang khususnya mereka yang suka bersukan dan aktiviti yang sihat seperti berbasikal.

Tambahnya, bagi mereka yang suka beriadah, pelbagai acara disusun seperti aktiviti bola bagi kanak-kanak, Tai Chi untuk warga emas, Klinik Bola dan Klinik Sihat di samping jualan makanan dan minuman dan sebagainya.

Oleh itu, orang ramai ujarnya dialu-alukan untuk hadir beramai-ramai bersama kaum keluarga, rakan-rakan bagi memeriahkan Bandarku Ceria yang diadakan setiap hujung minggu.

Manakala bagi Awang Haji Othman bin Haji Talib, 59, salah seorang peserta kayuhan 34 kilometer ketika ditemui berkata, Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2018 membuktikan bukan hanya sekadar aktiviti kesihatan diri malah mampu menyatupadukan perpaduan dari segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Jelasnya, ribuan penggemar dan peminat sukan berbasikal dari segenap lapisan masyarakat, tidak melepaskan peluang untuk hadir beramai-ramai bagi memeriahkan lagi acara riadah tersebut dalam suasana ceria dan meriah.

Menyertai Riadah Berbasikal buat pertama kali, beliau percaya aktiviti ini merupakan amalan hidup sihat selain dapat menarik minat para belia untuk bergiat aktif dalam sukan berbasikal dengan gaya yang sihat.







SETIAUSAHA Tetap Kemasyarakatan dan Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil (kiri); Yang Dimuliakan Pehin Datu Panglima Kolonel (B) Dato Paduka Abdul Jalil bin Haji Ahmad (tengah) dan peserta kayuhan 34 kilometer, Awang Haji Othman bin Haji Talib (kanan) semasa ditemu bual.



دتربيتكن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه جابتن ڤرچيتقن كراجاءن، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.